



PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang berhasrat menjadi peneraju & *role model* kepada latihan kemahiran negara terunggul yang bertaraf dunia memerlukan warga kerja yang berilmu, berkeyakinan, inovatif dan kreatif, berdaya saing serta memiliki minda kelas pertama untuk menerajui MARA ke arah kecemerlangan di persada dunia. Individu-individu yang memiliki ciri-ciri tersebut serta boleh menyumbang ke arah kecemerlangan MARA adalah dipelawa untuk mengisi jawatan seperti berikut:-

Jawatan	:	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pendidikan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Gred	:	DV19
Jadual Gaji	:	RM1,377.00 (Gaji Minimum) RM4,052.00 (Gaji maksimum)
Bidang	:	Seperti di bawah:- i. Teknologi Foundri ii. Teknologi Kimpalan iii. Teknologi Fabrikasi Logam iv. Teknologi Kejuruteraan Pembuatan

- v. Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan Rekabentuk)
- vi. Teknologi Kejuruteraan Penyamanan Udara dan Penyejukan
- vii. Teknologi Kejuruteraan Mekanik Industri
- viii. Teknologi Kejuruteraan Pemasangan Elektrik
- ix. Teknologi Kejuruteraan Fabrikasi Perpaipan
- x. Teknologi Bekalan Air dan Pembentungan
- xi. Teknologi Kejuruteraan Bangunan
- xii. Teknologi Kejuruteraan Lukisan Struktur
- xiii. Teknologi Baik Pulih Badan Kenderaan
- xiv. Teknologi Kejuruteraan Automotif
- xv. Teknologi Kejuruteraan Automotif (Komersial)
- xvi. Teknologi Kejuruteraan Automotif (Jentera Berat)
- xvii. Teknologi Kejuruteraan Automotif (Elektronik)
- xviii. Teknologi Kejuruteraan Marin
- xix. Teknologi Kejuruteraan Elektrik Kuasa
- xx. Teknologi Kejuruteraan Elektrik Domestik
- xxi. Teknologi Pemprosesan Seramik
- xxii. Teknologi Pemprosesan Polimer
- xxiii. Kejuruteraan Pembuatan (Kualiti dan Produktiviti)
- xxiv. Kejuruteraan Pembuatan (Teknologi dan Proses)
- xxv. Kejuruteraan Pembuatan (Automasi Industri dan Robotik)
- xxvi. Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan)
- xxvii. Kejuruteraan Pembuatan (Pembuatan Automotif)

1. SYARAT LANTIKAN :

1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19: RM1,435.12); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19:RM1,493.24);

1.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. TARAF JAWATAN :

Kontrak/Tetap

3. **UMUR:**

Pegawai sedang berkhidmat adalah layak dipertimbangkan untuk peningkatan secara lantikan tertakluk kepada had umur berikut:-

- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

5. **CARA MEMOHON :**

- i) Permohonan hendaklah dibuat secara **online** yang boleh dilayari melalui laman **web MARA** iaitu <http://www.mara.gov.my>
- ii) Tarikh permohonan dibuka mulai **24 Oktober 2016 hingga 6 November 2016.**
- iii) Calon-calon yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah melengkapkan borang elektronik di

laman web MARA. Pemohon hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing. Sila pastikan salinan sijil-sijil kelulusan dan lain-lain dokumen disahkan. Kenyataan Perkhidmatan serta Laporan Prestasi Tahunan terkini dibawa bersama semasa temuduga.

- iv) Bagi kakitangan yang sedang berkhidmat dengan MARA, salinan sijil-sijil kelulusan yang disahkan dan lain-lain keterangan peribadi beserta **LAPORAN SULIT KHAS** yang dimeteri oleh Pengawal Pusat masing-masing dan hendaklah dibawa bersama semasa temuduga.

6. CARA PERLAKSANAAN

- i) Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan.
- ii) Adalah ditegaskan bahawa pemohon-pemohon yang melepasi saringan sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii) Calon-calon yang bersedia untuk ditempatkan berkhidmat di mana-mana Pusat Pentadbiran MARA sahaja akan dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan berkenaan.
- iv) Pemohon yang mempunyai kelayakan Sijil/ Diploma/ Ijazah dari Institusi Luar Negara dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah membuat semakan **pengiktirafan kelayakan** melalui laman web <https://mohe.gov.my> dan hendaklah mengemukakan salinan pengiktirafan tersebut semasa menghadiri temuduga nanti.

- v) Pemohon-pemohon yang berjaya dalam temuduga sahaja akan dihubungi. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh temuduga hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Membandarkan Luar Bandar’



RAZLAN BIN HJ SAMSURI
Pengarah
Bahagian Sumber Manusia
MARA

Keusahawanan
& Pendidikan **Global**

“Amanah rakyat”

